



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 13/2005
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENYALURAN SOKONGAN-SOKONGAN LANTIKAN SECARA TETAP
PEGAWAI BERGAJI HARI DI BAWAH SURAT KELILING JABATAN PERDANA
MENTERI BILANGAN 8/2001

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan mengenai peraturan dan pindaan perkara di atas seperti berikut:

- [1] Kementerian dan Jabatan akan menghadapi terus ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sokongan-sokongan perlantikan secara tetap pegawai bergaji hari yang dilantik melalui kaedah pengambilan kakitangan bergaji hari lepasan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma - HND) di bawah Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 8/2001 (Pengambilan Kakitangan Bergaji Hari).
- [2] Perkara 4 daripada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 8/2001 adalah dipinda.

Peraturan dan pindaan ini mula berkuatkuasa pada 1 Disember 2005.

Semua surat menyurat bagi maksud ini hendaklah ditujukan terus kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di alamat berikut:

Setiausaha
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Keluarga Harmoni Asas Masyarakat Terpuji"

[PG DATO PADUKA HJ ABD HAMID BIN PG HJ MOHD YASSIN]

Setiausaha Tetap
pghamid_yassin@pmo.gov.bn

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (13) JPM/SK/2005
Tarikh : 23 Syawal 1426
26 November 2005